

18/06/1997

HIV: Kesedaran masyarakat masih rendah

KUALA LUMPUR, Selasa - Masyarakat Malaysia masih belum bersedia untuk menerima golongan penghidap penyakit Aids atau pembawa HIV secara terbuka, kata Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Menurutnya, tindakan mendedahkan identiti penghidap penyakit Aids atau pembawa HIV itu lebih memburukkan keadaan jika masyarakat terutama keluarga mereka sendiri masih belum bersedia menerima kenyataan itu.

"Kesedaran masyarakat terhadap cara jangkitan virus HIV masih rendah. Mereka akan bertindak seperti mengasingkan pesakit Aids daripada keluarga jika tahu mengenai penyakit itu," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz yang mahukan pendedahan pesakit Aids bagi mengelakkan jangkitan terutama kepada kanak-kanak melalui cecair atau darah apabila berlaku kemalangan.

Rafidah juga akan membawa soal perlindungan dalam bidang perubatan itu ke dalam mesyuarat kabinet bagi meminda undang-undang yang ada bagi membolehkan pendedahan dibuat terhadap penyakit berbahaya yang boleh berjangkit kepada masyarakat.

Marina berkata, tindakan memberitahu keluarga mengenai penyakit yang dihidapi adalah baik bagaimanapun jika keluarga terbabit tidak begitu bersedia menyebabkan masalah timbul.

(END)